



AKTIVITI SEMASA

Pada 7hb Julai 2017 UPUM telah mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara UPUM dengan para perunding.



KAJIAN SEMASA

Berikut adalah beberapa kajian semasa yg sedang dijalankan di UPUM:

1. Kajian penerimaan kurikulum latihan kemahiran terhadap kebolehkerjaan graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Ketua Projek: Prof. Madya Dr. Norlidah Alias

2. Consultation Service for Golden Arches Restaurants Sdn Bhd

Ketua Projek: Dr. Chai Lay Ching

3. Laporan Petunjuk Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Malaysia 2016

Ketua Projek: Prof. Madya Dr. VGR Chandran Govindaraju





PROMOSI

UPUM telah mengklasifikasikan beberapa kumpulan perunding mengikut "Niche Areas", diantaranya adalah seperti berikut:

- | | | | |
|----------------------------------|---------------------------|----------------------------------|----------------------|
| 1. <i>Civil & Structural</i> | 4. <i>Transportation</i> | 7. <i>Education</i> | 10. <i>Economics</i> |
| 2. <i>Geotechnical</i> | 5. <i>Electrical Eng.</i> | 8. <i>Information Technology</i> | 11. <i>Sciences</i> |
| 3. <i>Environmental</i> | 6. <i>Chemical Eng.</i> | 9. <i>Mechanical/ Biomedical</i> | 12. <i>Medicine</i> |

Kajian Paleoseismologi, kejuruteraan gempa bumi, dan bencana alam yang lain seperti tsunami dan pergerakan tanah juga disediakan oleh UPUM. Diketuai oleh Prof. Madya Mustaffa Kamal Shuib dari Jabatan Geologi, kajian ini merupakan antara satu-satunya kajian paleoseis dan tsunami yang dijalankan di Malaysia.

Baru-baru ini, pihak UPUM SDN. BHD. telah melaksanakan satu kempen perundingan dengan menyediakan brosur-brosur tentang perkhidmatan perundingan yang disediakan bagi mendapatkan jangkauan klien yang berpotensi secara lebih meluas.

Para tenaga akademik di setiap fakulti di Universiti Malaya dijemput untuk mendaftarkan nama dengan Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) sebagai perunding mengikut kepakaran masing-masing. Anda boleh layari website UPUM <http://upum.um.edu.my>.

PENGUMUMAN

Selaras dengan kadar yuran yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF: e- Perolehan) kepada unit perundingan Universiti, maka Majlis UPUM telah menetapkan kadar sebanyak **15% dari yuran perundingan** untuk semua projek UPUM, projek kajian UPUM Sdn. Bhd. dan Projek UPUM Consult Sdn. Bhd., berkuat kuasa **1 hb. Julai 2017**.

Pengarah, Unit Perundingan Universiti Malaya

Atas permintaan PTj/Fakulti/Jabatan/COE, Majlis UPUM telah menetapkan bahawa bagi semua permohonan untuk membuat kerja perundingan, staf perlu melengkapkan Borang Caj Fasiliti PTj/Fakulti/Jabatan/COE untuk penggunaan fasiliti di PTj/Fakulti/Jabatan/COE berkaitan, untuk semua projek UPUM, projek UPUM Sdn. Bhd. dan projek UPUM Consult Sdn. Bhd., berkuat kuasa **1hb. April 2017**.

Pengarah, Unit Perundingan Universiti Malaya



LAWATAN TAPAK

LAWATAN KE INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG (ITB) DI INDONESIA – PROJEK PALEOTSUNAMI



KAJIAN GARIS PANDUAN REKABENTUK STURUKTUR JETI PERIKANAN DI NEGERI SELANGOR.



Lawatan ke JKR Kuala Lumpur dan Jeti Perikanan Kuala Selangor



Berikut adalah kajian-kajian yang sedang di jalankan oleh UPUM SDN. BHD. diantaranya ialah:

1. *Paleoseismological & paleotsunami, soil liquefaction potential study, and tsunami hazard assessment to establish seismic and tsunami risk for selected existing TNB electrical installation sites in peninsular Malaysia*

Klien: TNB Research **Ketua Projek:** Dr. Meldi Suhatrill

2. Kajian Garis Panduan Rekabentuk Struktur Jeti Perikanan di Negeri Selangor

Klien: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) **Ketua Projek:** Ir. Dr. Ismail Othman

3. Structural Integrity Evaluation for RC Slab of SKS Coachbuilders Sdn. Bhd. Factory in Selngor Darul Ehsan.

Klien: SKS Coachbuilders Sdn. Bhd. **Ketua Projek:** Ir. Dr. Ismail Othman

4. *Mandatory periodical visual building structure inspection*

Klien: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) **Ketua Projek:** Ir. Dr. Ismail Othman

5. *Visual physical inspection of factory building, basic environmental assessment, and moving out supervision of unilever factory in Rawang, Selangor for factory decommissioning purposes*

Klien: Unilever Foods (Malaysia) Sdn. Bhd. **Ketua Projek:** Ir. Dr. Ismail Othman

PENGUMUMAN

UPUM SDN BHD telah menambah 2 kod bidang baru di dalam sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Bidang-bidang tersebut adalah:

1. Ukur Bangunan (Pertubuhan Juruukur Diraja) – Kod Bidang 330208

2. Pengurusan Nilai Fizikal – Kod Bidang 330209

Pengarah, Unit Perundingan Universiti Malaya

UPUM RESOURCES SDN BHD

Berikut adalah kajian yang sedang di jalankan oleh UPUM RESOURCES SDN. BHD. iaitu:

1. *Membekal Perkhidmatan bagi Penyediaan Laporan Penilaian Projek UNFPA (MYS4u604): Research and Module Development on SRH for Young People*

Ketua Projek: Dr. NORIZAH BINTI MOHD MUSTAMIL